

08 JAN 1997

Khalil-Penempatan

PAHANG KAJI KESELAMATAN PENEMPATAN PINGGIR PANTAI DAN SUNGAI

KUANTAN, 8 Jan (Bernama) -- Pahang akan menilai semula keadaan penempatan dan rumah yang berhampiran pantai serta di sepanjang sungai dan mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Pusat bagi mengatasi masalah penghuninya yang terdedah kepada bahaya banjir besar dan ribut.

Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata cadangan itu akan dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri akan datang.

Katanya, Pahang ada melaksanakan program penempatan semula dan pemindahan bagi penduduk yang tinggal berhampiran pantai dan di sepanjang sungai tidak lama dahulu tetapi mendapati ia gagal kerana sebahagian besar mereka pulang semula ke rumah asal masing-masing.

Sekurang-kurangnya 13 projek pemindahan telah dibuat di Salong dan Paloh Hinai di Pekan, Lubuk Paku (Maran) serta di daerah Temerloh, Jerantut dan Lipis, katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini.

Beliau berkata mereka tidak tinggal lama di kawasan baru yang diperuntukkan untuk mereka sebaliknya pulang semula ke penempatan asal dengan alasan lebih selesa tinggal di tempat lama dan tanaman mereka pula sudah membesar.

Ini menyebabkan kerajaan terpaksa menyediakan rumah dan kemudahan asas di kawasan-kawasan baru dan menyediakan kemudahan asas seperti memperbaiki jambatan dan tebing yang runtuh di kawasan lama apabila berlaku banjir, katanya.

"Kita akan mencadangkan selepas mereka dipindahkan ke penempatan baru, rumah lama mereka diruntuhkan dan kawasan itu ditanam dengan pokok-pokok yang boleh mendatangkan pulangan komersil dan tahan kepada banjir," katanya.

Khalil juga berkata Kerajaan Negeri akanewartakan bahagian jalan Genting Highlands yang terletak dalam negeri Pahang sebagai jalan di bawah bidang kuasa Majlis Daerah Bentong untuk membolehkan kerajaan melaksanakan tindakan undang-undang terhadap pengguna jalan itu yang melanggar peraturan lalulintas.

Melalui pewartaan itu nanti yang akan dibuat oleh Exco, jalan persendirian itu akan tetap diselenggara oleh pemiliknya tetapi memberi kuasa kepada kerajaan mengambil tindakan undang-undang, katanya.

Beliau juga berkata Kerajaan Negeri mencadangkan kepada Kementerian Pengangkutan supaya tafsiran jalan awam dalam Akta Pengangkutan Jalan dikaji semula dan diperluaskan supaya turut merangkumi jalan persendirian yang difikirkan sesuai untuk membolehkan penguatkuasaan undang-undang. --

BERNAMA

AZ NMO